

## FALSAFAH IBADAT DAN HUBUNGAN MANUSIA - TUHAN

**Idris bin Zakaria**

Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universitas Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Email: [idris.binzakariya@gmail.com](mailto:idris.binzakariya@gmail.com)

Diterima tgl, 05-09-2014, disetujui tgl 1-10-2014

---

**Abstract:** Not only are the religious worships obligated to every mukallaf Muslim as the sign or evidence of a faithful servant of Allah, or as the proof of Allah's existence, but these practices have their own foundation and philosophy. Both foundation and philosophy of the religious practices are intended to raise the level and status of human beings as the best creation of God compared to all other creatures. Worship needs to be practiced consistently and frequently so that it reinforces and intensifies the remembrance of God in the heart of human. The article concludes that obedient servants who always practice the religious worships will return to their original nature as pure and holy human, and will reach their position as the best creation of God.

**Abstrak:** Ibadat-ibadat yang difardhukan ke atas setiap muslim mukallaf, bukan sekadar tanda atau bukti sebagai hamba Allah SWT, atau bukti kewujudan Allah tetapi mempunyai asas dan falsafah yang tersendiri. Asas dan falsafah itu antara lain untuk mengabadikan taraf dan status manusia sebagai makhluk terbaik ciptaan Tuhan dibanding makhluk lain. Namun, ibadat itu perlu dilakukan secara konsisten dan berulang-ulang agar ingat kepada Tuhan itu sentiasa segar dan terpahat kukuh di hati manusia. Kesimpulan akhirnya ialah manusia yang taat beribadat akan kembali ke fitrah asalnya iaitu insan yang bersih lagi suci, memenuhi taraf dan kedudukannya yang mulia dan terbaik ciptaan Tuhan.

**Keywords:** falsafah, ibadat, Tuhan, hikmah

---

### Pendahuluan

Apabila berbicara tentang ibadat, biasanya apa yang sering ditanya orang ialah tatacara atau prosedurnya, sah atau batal atau bagaimana mahu dilakukan. Jarang orang bertanya asal-usul yang lebih dalam iaitu apakah falsafah yang ingin didapatkan dari satu-satu ibadat yang dilakukan. Apakah signifikannya kepada diri peribadi, keluarga atau masyarakat, dan mengapa kita perlu lakukan semua ibadat itu hingga sesetengah ibadat itu perit untuk merealisasikannya seperti perlu bekerja keras mengumpul wang untuk tunai haji rukun Islam kelima dan sebagainya lagi. Jawapan ringkasnya ialah ini adalah suruhan Allah SWT. Benar jawapan ini tetapi mengapa dan untuk apa? Ini jarang disoal.

### Apakah Dia Ibadat?

Cuba kita lihat terlebih dahulu dari segi istilahnya. 'Ibadat' terbina dari kata kerja 'a-b-d', ya 'budu', dan nama terbitannya 'ibadat', 'ubudah dan ubudiyyah serta juga *ma'bad* dan *ma'badah*. Apabila diletakkan perkataan Allah selepas 'abada, ia menunjukkan seseorang itu menghambakan dirinya kepada Allah dengan maksud menyembahNya, memujiNya, melakukan amalan-amalan agama keranaNya. Ini juga beerti seseorang itu taat kepadaNya dengan penuh rasa rendah diri atau hina atau sifat tunduk menyerah

kepadanya. Nama terbitan 'ibadah, dari sudut bahasanya bermaksud pelaksanaan perbuatan-perbuatan yang diakui oleh Allah SWT; nama terbitan 'ubudah pula mengandungi pengertian relanya orang yang berkenaan itu terhadap yang dilakukan atau yang dikehendaki oleh Allah. Semua pengertian dan maksud yang tersebut di atas muncul apabila kata-kata tersebut dihubungkan dengan Allah SWT. Akhirnya menggambarkan manusia yang beribadat itu menjadi hamba kepada Allah SWT. Dan hakikat hamba di sini tidaklah sama makna dan maksudnya dengan konsep hamba sesama manusia di dunia ini. Hamba di sini seperti tergambar dalam sejarah langsung menolak nilai-nilai mulia seorang manusia.

Ibnu Taymiyyah dalam *al-Ubudiyyah*-nya menyebut bahawa ibadah adalah sebuah kata yang menyeluruh meliputi apa sahaja yang dicintai dan diredhai Allah, menyangkut seluruh ucapan dan perbuatan yang tidak nampak mahupun yang nampak seperti sembahyang, zakat, puasa, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada orang tua, bersilatullah, memenuhi janji, menyuruh berbuat baik, melarang perbuatan mungkar, berperang melawan kekufuran dan kemunafikan, lemah lembuh terhadap tetangga dan anak yatim, menyantuni orang miskin, Ibnu Sabil, hamba dan binatang serta do'a, zikir, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Termasuk juga katanya dalam pengertian ini ialah mencintai Allah dan Rasul, takut kepada Allah dan taubat kepadaNya, ikhlas dalam beribadat, menerima hukumanNya, bersyukur atas nikmatnya, rela terhadap keputusannya, berserah diri (tawakkal) kepadaNya, mengharap rahmatNya dan takut akan siksaanNya. Sememangnya inilah tujuan penciptaan jin dan manusia.<sup>1</sup>

Dalam tafsiran intelektual Islam sebagaimana Muhamamd Uthman el-Muhammady sekadar contoh menyebut bahawa 'ibadat "adalah kegiatan puncak bagi bani Adam sebagaimana yang diajarkan dalam agama Islam; ianya memberikan makna serta tujuan bagi kejadian insan itu sendiri serta alam sekitarnya yang dipanggil alam semesta ini. Ianya adalah pembentuk diri masyarakat serta peradaban insan itu sendiri, penyelamat di sini dan di sana, di alam ini dan alam abadi dari *al-Mabda' ila al-Ma'ad*. Ianya adalah penenang dan pencapai kebahagiaan hakiki, satu jambatan keemasan yang menghubungkan *al-'abd* dengan al-Rabb, yang kalaulah tanpanya, maka tidak ada lagi penghubung antara keduanya itu. Hidup insan yang sempurna adalah iramu merdu pengabdian diri kepadaNya. Padanlah Allah sendiri menyatakan dalam kitabnya وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ, yang bermaksud "Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu".<sup>2</sup>

### Justifikasi Ibadah

Punca dasar yang memberi justifikasi melaksanakan ibadat paling tidaknya ada 2 iaitu (1) status hamba yang mewarnai tabii asli manusia itu sendiri. Kita bukan tuan, bukan raja. Kita itu makhluk kepada Khalik. Makhluk itu yang dicipta atau diadakan oleh satu kuasa lain yang besar dan agung, bermakna kita lemah dan sentiasa tertakhluk di bawah kuasa Tuhan. Keseluruhan kehidupan lahir batin dikawal oleh kuasa Tuhan itu yang sering disebut dalam bahasa awam "ikut takdir Allah!". Pun begitu bukan bermakna kita menjadi penganut aliran Jabariah atau Mu'tazilah semuanya. Ada bahagian yang kita lakukan.

<sup>1</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Ubudiyyah* (terj.) oleh Mu'ammal Hamidy: Singapura; Pustaka Nasional Pte.Ltd, 1983, 60

<sup>2</sup>Muhammad 'Uthman el-Muhammady, "Falsafah Ibadah dalam Islam" kertas kerja yg dibentangi di *Simposium Falsafah Islam* anjuran Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia pada 22.10. 1983

Berjalan atau berlari kita yang lakukan tetapi tenaga Allah yang berikan. Ada bidang yang Allah tentukan, ada yang manusia sebagai hamba lakukan.

Dan yang ke (2) ialah hakikat sewaktu lahir yakni asal kejadian adalah suci dan putih bersih. Ada hadis yang menjelaskan hal itu. Tiap seorang itu dilahirkan suci dan bersih fitrahnya hanya ibu bapanyalah yang boleh menjadikannya Yahudi, Majusi atau Nasrani. Ini satu simbol hakiki kita sewaktu dilahirkan, iaitu manusia yang suci dan bersih. Sebaliknya di dunia pula ada 1001 macam fikiran, ideologi, kecenderungan, pengaruh, watak dan sebagainya. Dan manusia pula adalah makhluk yang mudah terpengaruh dengan apa jua yang berlaku disekelilingnya. Dia juga makhluk yang berubah dan sentiasa berubah-ubah seperti kata Ibnu Khaldun. Jadi jika dibiarkan begitu sahaja hidup sepanjang zaman atau dunia, sudah itu banyak pengaruh masuk ke dalam dirinya, menguasai akal fikiran, watak, perangai dan sebagainya. Apakah yang boleh menyediakan mekanisma mengawal, memandu dan membersihkan dirinya dari kekotoran pengaruh pelbagai macam sepanjang hidupnya itu. Umumnya agama adalah asas dan mekanisma pengatur serta pengurus kehidupan harian, baik bersifat peribadi, keluarga atau masyarakat. Tanpa agama, manusia yang berstatus suci tadi, boleh berubah menjadi manusia pelbagai imej dan warna.

Jadi suci dan bersih tadi akan hanya tinggal nama. Mekanisma khusus sebagai elemen memperkasa yang umum tadi ialah ibadat, tentunya ibadat khusus yang banyak tertumpu kepada pembaikan kerohanian dan akhlak. Kerohanian adalah intisari manusia yang memberi erti apakah manusia itu yang sebenarnya. Jadi ibadat-ibadat khusus itu mempunyai kuasa menjaga dan mengekal taraf suci dan bersih tadi, sejajar pula manusia akan pulang ke alam suci. Ini pernah disebut oleh Plato dalam *The Republic* tentang konsep-konsep Alamnya. Alam yang kita hidup ini kata beliau sifatnya tidak asli, tidak murni dan tertakhluk pada kerosakan. Ada alam ghaib yang abstrak. Alam asli yang abstrak itu bersih, suci dan tidak terpengaruh kepada kerosakan. Kita, katanya akan kembali ke alam itu, tetapi perlu suci dan bersih. Maka sudah sewajarnya bersih dan suci diperjuangkan sepanjang hayat. Maka di sinilah datang elemen hidup beribadat tadi yang bila taat mengerjakannya, kita sentiasa berada dalam kesucian atau dalam kebersihan. Seperti maksud sebuah hadis tentang mandi 5 kali sehari dalam sungai di depan rumah. Bila sudah mandi, fizikal menjadi bersih. Bila beribadat rohani pula menjadi bersih. Itu satu bentuk hubungkait bersih badani dan rohani yang boleh dicapai oleh manusia. Oleh itu dengan gabungan proses pembersihan rohani dan fizikal tadi, membolehkan seseorang insan muslim itu kembali kepada fitrah asalnya; insan yang suci, bersih (fitrah) asal semulajadinya. Fitrah ini perlu selalu dijaga dan diurus sepanjang hayat kehidupan. Jika alpa, maka imej fitrah tersebut akan tercemar, maka hilanglah kesucian iman tadi.

### **Falsafah Ibadat: Ulasan Ibn Sina**

Maksud yang tersirat dalam hal suci dan bersih tadi akhirnya mengisyaratkan kepada Allah SWT yang maha suci lagi bersih. Allah menjadi nadi dan paksi di sini. Tetapi atas sifatnya *Mukhalafah li al-Hawadits*, bagaimana manusia dapat berhubung dan mengingat Tuhan dan bagaimana mereka dapat mengecapi kebahagiaan? Ibnu Sina dalam *al-Syifa'*, makalah kesepuluh (*al-Maqalah al-'Asyirah*) di bab ketiga (*Fi al-ibadat wa Manfa'atuha fi al-Dunya wa al-Akhirah*) h. 443-6, beliau menulis tentang ibadat dengan pelbagai dimensi perbincangan. Katanya Nabi atau Rasul mahukan insan mengingat Allah dan menginsafi nasib mereka di akhirat kelak. Para Nabi atau Rasul adalah insan yang memiliki daya rasional dan imaginasi yang kuat, memudahkan mereka berhubung dengan

Tuhan. Itu keistimewaan mereka, tetapi bagaimana dengan orang awam? Tidak ramai yang mampu memiliki kekuatan tersebut. Jadi di sini sukar bagi orang awam untuk mengetahui dan menghayati falsafah dan tata tertib berhubungan dengan itu. Maka di sinilah para Rasul atau Nabi perlu “turun ke masyarakat”, menyediakan masyarakat untuk merealisasikan ibadat terhadap Tuhan. Apa lagi sebagai panduan sewaktu tiada lagi Rasul dan Nabi.

Proses “mengingat” dan “menghayati” memerlukan tindakan berulang-ulang dan berpanjangan hingga terbentuk di sanubari akan perasaan mengingat tersebut dan seterusnya dihayati yakni terus mengingati Tuhan sepanjang masa dan menginsafi nasib di hari akhirat (*Istimraru al-Nas ‘Ala Ma’rifatihin bi al-Sani’ wa al-Ma’ad*). Maka datanglah di sini amalan ibadat yang diwajibkan kepada manusia. Para Nabi dan Rasul adalah orang yang pertama melakukannya, diperhatikan dan diikuti oleh manusia sekalian. Amalan itu perlu diulangi. Sembahyang umpamanya wajib diulangi dalam waktu-waktu yang telah ditentukan. Amalan itu, apabila dilakukan dengan taat akan membawa insan atau hamba itu mendekati Allah dan akan dianugerahi banyak ganjaran (*wa yastawjib bi ha al-Jaza’ al-Karim*). Itulah kata Ibnu Sina ibadat-ibadat yang diwajibkan ke atas manusia (*al-‘ibadat al-Mafruda ‘ala al-Nas*). Amalan-amalan ini juga membentuk rasa takut terhadap Tuhan dan takut tentang nasib sendiri di hari kemudian. Itulah dia antara rahsia mengapa umat Islam perlu beribadat.

Ibadat itu pula menurut Ibnu Sina samada melibatkan pergerakan (juga bacaan) seperti sembahyang (*al-Salat*) atau yang tiada pergerakan seperti puasa (*al-Saum*). Puasa membolehkan seseorang itu mengingatkan bahawa apa yang dilakukan bukanlah sesuatu yang sia-sia seperti lawak atau jenaka (*hazlan*). Ia juga membawa manusia dekat pada Tuhan. Keseluruhan ibadat yang dilaksanakan menggambarkan Tuhan itu ada. Hidup ini adalah suatu yang serius, bukan main-main. Semuanya membawa manusia mendekati Tuhan.<sup>3</sup> Ini semua mendasari ibadat-ibadat yang lain, termasuk ‘haji’, jihad dan sebagainya lagi. Natijah akhir ialah menerima hadiah atau anugerah dari Allah setelah hamba itu tekun, bersungguh-sungguh dan konsisten beribadat dengan niat yang betul dan benar.

Ibadat-ibadat yang asas itu mengait sama ibadat-ibadat lain yang juga mempunyai objektif yang serupa. Ibadat-ibadat tersebut adalah seperti membaca al-Qur’an, bercakap benar, meninggalkan yang haram diambil, tidak minum arak dan lain-lain yang memabukkan, tidak makan daging babi, tidak suka mengumpat, menipu, membohong, mencuri, mengambil harta anak yatim atau orang lain tanpa hak dan seumpamanya. Ibadat-ibadat jenis ini melibatkan hubungan manusia-manusia dalam kerangka panduan dari agama, juga apabila dilakukan dengan ikhlas, betul dan jelas, maka faedahnya sama sahaja seperti ibadat-ibadat khusus itu.

### **Ibadat Asas Dan Hikmatnya**

Mengambil kira huraian Ibnu Sina di atas makalah ini seterusnya memberi perhatian terhadap jenis-jenis ibadat yang dimaksudkan dan apakah faedah dan kebaikan yang boleh di dapati darinya dan di sini tidak diterangkan tatacara beribadat. Ini kerja Fekah. Jenis-jenis ibadat yang dimaksudkan di sini ialah ibadat-ibadat khusus yang tinggi kedudukannya dalam agama. Pertamanya ibadat sembahyang atau al-Solat. Al-Solat atau

---

<sup>3</sup>Idris Zakaria, *The Political Aspects of Avicenna’s General Theory of Cosmology and the Human Soul*. (Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 72-73.

sembahyang adalah tiang agama, siapa yang meninggalkan solat maka ia meruntuhkan agama. Tiang atau imad adalah paksi yang kuat, peneguh sesebuah bangunan. Tanpa tiang bangunan itu tidak kukuh dan tidak perkasa. Mudah retak atau roboh. Demikian manusia yang tidak menunaikan solat, tidak memelihara solat lima waktu, bermakna ia merobohkan agamanya sendiri. Solat juga disifatkan oleh Nabi sebagai kunci syurga, tiada solat maka tiadalah kunci untuk memasuki syurga. Oleh itu sesiapa yang dengan sengaja meninggalkan solat, ia terlepas dari bidang tanggungjawab Rasulullah SAW. Sembahyang juga simbol utama yang merasakan status manusia sebagai hamba, bukan tuan apalagi tuhan. Maka kesedaran menginsafi diri sebagai hamba itu perlu sentiasa diingatkan kepada diri sendiri sepanjang masa. Di situ, sifat lupa diri, alpa atau sebagainya dapat dihindarkan.

Manusia ada sifat-sifat angkuh, sombong, ego, dengki, cemburu dan lain-lain. Sifat-sifat ini bernilai negatif. Kalau ia sudah menjadi peribadi seseorang, sukar untuk ia mengubahnya. Banyak akibat-akibat tidak baik boleh lahir dari orang-orang yang bersifat dengan sifat-sifat itu. Solat atau sembahyang adalah satu tenaga yang kuat, yang mampumengubati penyakit-penyakit itu justeru ia mensucikan hati nurani, mengubah manusia dari perangai atau watak yang tidak baik ke sebaliknya. Hati yang keras dilunakkan. Ia boleh terjadi apabila dahi yang berada di tempat tinggi lagi mulia di badan diletakkan di lantai separas dengan kaki yang memijak tanah. Ketentuan ini memberi erti sifat-sifat bongkak, sombong seorang hamba atau lain-lain itu hina dan rendah nilainya. Disitulah status hakiki seorang insan yang dikatakan hanyalah seorang hamba. Perasaan ini penting dalam kontek hidup di dunia yang sementara ini atau penting dalam kehidupan bermasyarakat. Solat berjemaah pula mengisyaratkan kehidupan kolektif yang memerlukan disiplin, struktur kehidupan, sistem, semangat kekitaan dan nilai sepunya dan sebagainya lagi. Justeru, nilainya besar berbanding dengan solat sendirian kerana pada solat bersendirian nilai-nilai itu tiada. Dan solat juga memberi ruang dan peluang seseorang insan itu untuk terus bercakap dengan Tuhannya secara lansung serta mengadu nasib atau memohon sesuatu kepentingan untuk faedahnya sendiri. Maka ini lebihnya sembahyang berbanding dengan ibadat-ibadat yang lain.

Puasa sama juga dengan sembahyang, mempunyai kelebihan-kelebihannya terutamanya terhadap pembentukan akhlak. Puasa itu perisai atau pengawal, sebab itu orang yang berpuasa ditegah dari bercakap kotor (*al-rafath*) dan tidak boleh melakukan perbuatan-perbuatan orang jahil (*yajhal*), bertengkar atau pun melolong (*yashab*). Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda :

الصيام جنة فلا يرفث ولا يجهل<sup>4</sup>

“Puasa itu perisai (junnah) maka janganlah orang yang berpuasa itu bercakap kotor dan melakukan perbuatan orang jahil”.

Puasa yang sebenar bukan sahaja perlu bersusah payah mengawal nafsu makan, minum dan seks tetapi hendaklah melewati apa sahaja yang ditegah oleh syarak seperti zina, persetubuhan di siang hari antara suami isteri, berbohong, menipu dan sebagainya.

Imam al-Qurtubi menjelaskan sebagaimana yang dipetik oleh Ibn Hajar: Di waktu seseorang itu berpuasa, ditegah dia dari bercakap kotor, melakukan perbuatan-perbuatan orang jahil, bertengkar dan melolong. Ini bukanlah beerti di hari yang lain dari berpuasa, seseorang itu boleh melakukan perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan itu.

<sup>4</sup>Al-Bukhari, *al-Jami' al-Shahih al-Mukhtashar*, (Beirut: Dar Ibnu Katsir, 1987), II, 670

Maksudnya di hari lain pun tidak boleh, lebih lagi di bulan puasa. Puasa yang sebenar dan terbaik ialah bukan sekadar meninggalkan makan-minum dan jima' sahaja, tetapi berpuasa semua anggota di badan dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama. Puasa juga boleh melatih manusia bersifat sabar. Imam Ibn Majah meriwayatkan dengan sanadnya dari Abu Hurairah r.a. katanya; Rasulullah SAW bersabda :

الصيام نصف الصبر<sup>5</sup>

“Puasa itu adalah separuh kesabaran”

Banyak bentuk kesabaran yang terhasil dari puasa. Seseorang itu dilatih melawan nafsu makan dan minum, sabar melawan kehendak nafsu jantina, sabar menahan marah dan sebagainya. Kesannya sangatlah besar di mana, seseorang itu dialih daripada terlibat pada satu perbuatan keji, pekerjaan atau tindakan yang baik. Jadi bulan Ramadhan adalah bulan melatih manusia Muslim bermuhasabah diri sambil meningkat kualiti akhlak dan disiplin peribadi. Puasa juga menghapuskan dosa-dosa seseorang. Hal ini telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda :

الصلوات الخمس والجمعة الى الجمعة ورمضات الى رمضان مكفرات ما بينهن إذ أجتنب الكبائر

“Sembahyang fardhu lima waktu, Jumaat hingga Jumaat yang berikutnya, dan puasa Ramadhan hingga Ramadhan yang berikutnya adalah menghapuskan dosa-dosa yang berlaku di antaranya apabila orang yang mengerjakannya itu menjauhi dosa besar”.

Zakat pula disebutkan dalam 32 ayat al-Quran dan biasanya digandingkan dengan sembahyang. Zakat adalah sistem yang diwujudkan untuk menolong meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh golongan yang memerlukan. Ia diambil hanya beberapa persen dari kekayaan orang yang berada, dikumpul dan diagihkan kepada fakir, miskin dan sebagainya menurut asnaf. Kebaikan yang paling penting ialah mensuci hati nurani manusia dari dominasi sifat-sifat kedekut, bakhil, tamak, haloba dan kering dengan sikap belas ihsan pada golongan yang memerlukan. Oleh itu status hukumnya ialah wajib supaya keadilan sosial boleh dibentuk. Amalan ini boleh melahirkan persaudaraan dan memesrakan hubungan antara manusia yang berada dengan yang memerlukan. Dalam sejarah tamadun manusia ada bangsa-bangsa tertentu yang berperang antara golongan bawahan yang tertindas dengan golongan atasan yang kaya raya. Revolusi Perancis pada tahun 1789 adalah bukti jelas tentang hal ini. Islam bertindak mahu membentuk keadilan sosial dan kemesraan merata dengan mengikis unsur feodalisme dan kapitalisme dalam masyarakat. Dua ‘isme’ ini telah lama mencengkam masyarakat Barat dan banyak menimbulkan krisis sosial sepanjang sejarah.<sup>6</sup>

Zakat di sini dimasukkan juga sedekah, justeru sedekah kadangkala digunakan makna yang sama dan memberi kesan yang hampir serupa. Zakat boleh membersihkan hati sipemberinya dari sifat kedekut, ego dan bakhil. Biasanya manusia amat sayangkan harta apa lagi bagi orang yang sukar untuk mendapatkannya. Orang sukar untuk mengeluarkan

<sup>5</sup>Ibn Majah, Sunan ibn Majah, (Beirut: Dar al-Fikri, t.t), I, 555

<sup>6</sup>Maulana Muhammad ‘Ali, *The Religion of Islam*, (K.Lumpur Pustaka PERKIM, t.t.), 465-468

hartanya untuk diberikan pada orang lain. Zakat diwajibkan untuk membela orang miskin. Ia bukan sekadar soal belas kasihan. Ia adalah soal keadilan sosial yang dijaga oleh Islam. Dengan itu kesempitan hidup orang fakir-miskin dan lain-lain yang berhak akan diringankan. Dari sudut sosial pula akan wujud komunikasi yang harmoni antara golongan yang berada dengan kumpulan yang berhak menerima bantuan. Sesungguhnya ini sangat penting bagi melahirkan masyarakat adil, harmoni dan sejahtera.

Selain dari kebaikan sosial, zakat dan sedekah juga memberi faedah kepada peribadi, umpamanya menambah kelazatan iman dan takwa, menegah dari menyakiti orang lain atau memberi sesuatu dengan mengharapkan balasan dan juga menghapuskan dosa.

Haji adalah rukun Islam yang kelima. Perlaksanaannya bergantung pada beberapa syarat. Yang utamanya ialah berkuasa atau tidak dalam konteks kewangan, kesihatan dan kekeluargaan. Jika ini semua boleh diatasi maka seseorang itu sudah wajib untuk menunaikannya. Apakah sebabnya dikhaskan suatu tempat untuk penyempurnaannya. Sekurang-kurangnya ada dua unsur yang fundamental mendasari penentuan ini : (a) usaha-usaha untuk menyedarkan diri manusia tentang nilai-nilai sejarah yang telah dilalui oleh para Rasul dan Anbiya dahulu. (b) membentuk persaudaraan atau perkenalan global antara sesama umat Islam di mana semua jenis bangsa bersatu atas satu niat dan objektif, di satu lokasi geografi yang ditentukan oleh syariat. Umat Islam diajar untuk merasai sendiri penderitaan dan kepayahan hidup yang telah dialami oleh para Rasul dan Anbiya' dahulu. Pendidikan ini boleh memperbaiki kualiti keislaman mereka.

Haji adalah satu ibadat dalam Islam yang meminta pengorbanan yang besar dan peruntukan wang ringgit yang banyak bagi umat Islam yang jauh dari Makkah dan Madinah. Sesuai dengan pengorbanan yang begitu besar, Allah SWT menawarkan beberapa manfaat kepada orang-orang yang menunaikannya. Pertamanya, penghapusan dosa dan balasan syurga. Ini dapat dilihat pada hadith-hadith berikut :

تابعوا بين الحج والعمرة فانهما تنفيان الفقر والذنوب كما ينفي الكبر خبث الحديد والذهب والفضة. وليس للحجة المبرورة ثواب إلا الجنة<sup>7</sup>

“Hampirkan antara haji dan umrah sebab sesungguhnya keduanya itu menghapuskan kefakiran dan dosa sebagaimana api menghilangkan kekotoran besi, emas dan perak, tiada balasan bagi haji mabrur kecuali syurga”.

Haji juga, jika dilakukan dengan sempurna dapat memperelokkan akhlak. Rasulullah SAW juga bersabda :

الحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة قيل وما يره أ طعام وطيب الكلام<sup>8</sup>

“Haji mabrur tiada balasan lagi (bagi orang yang menunaikannya itu) melainkan syurga. Sahabat bertanya Rasulullah SAW: Apakah kebaikan mabrur? Jawab Rasulullah SAW memberi makan pada fakir miskin dan bercakap dengan percakapan yang baik dan mulia”.

Terdapat beberapa lagi kesan yang baik terhadap orang yang menunaikan haji. Misalnya ia mampu membentuk kesedaran rasa persamaan antara pelbagai golongan dan

<sup>7</sup>Al-Burhan Fauri, *Kanz al-Umam fi Sunan al-Aqwal*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1981), V, 113

<sup>8</sup>Ahmad ibn Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, (al-Qahirah: Muassasah al-Qurthubah, t.t), II, 246

lapisan umat Islam tanpa sekatan oleh taraf dan kedudukan, kekayaan dan sebagainya. Wujud juga sifat tolong-menolong, jimat cermat, kawalan nafsu rendah, timbul rasa hina diri di hadapan Tuhan dan sebagainya.

### **Kesimpulan**

‘Falsafah’ yang menjadi landasan berbicara soal ibadat di sini memaklumkan tentang usaha-usaha yang boleh manusia lakukan untuk mendapat kembali tabii asli kejadiannya yang bersih, suci dan mulia. Berstatus ‘hamba’ tidak bermaksud hamba yang beralaskan kepentingan duniawi, tetapi hamba yang berstatus tinggi, boleh mendekati Tuhan. Jadi falsafah yang bermatlamatkan kesempurnaan, membayangkan usaha-usaha manusia rasional atau tindakan (amalan lahir) untuk menjadi suci dan bersih iaitu sifat-sifat semulajadi insan dan dari sini baharulah seseorang itu boleh mendekati Tuhan. Inilah matlamat puncak dalam hidup seseorang. Jadi matlamat akhir dari amalan agama bertemu di satu titik, kebahagiaan dunia dan akhirat. Falsafah ibadat mendukung hubungan akrab antara manusia dan penciptanya dan demikian juga sebaliknya.

### **DAFTAR KEPUSTAKAAN**

- Ibn Sina *al-Shifa', ilahiyat*, ed.by Muhd.Yusof Musa, Sulayman Dunya, Said Zaid and introduced by Dr.Ibrahim Madkur, Qaherah, 1960.
- Ibn Sina *Al-Isharat wa tanbihat*, with illustration by Nasir al-Din al-Tusi, ed.by Sulayman Dunya, Vol.4 “al-Tasawwuf”, 2nd.imp. Dar al-Ma’aruf, Cairo, 1968.
- Ibn Taymiyyah, *al-Ubudiyyah* (terj.) oleh Mu’ammal Hamidy : Singapura; Pustaka Nasional Pte.Ltd, 1983.
- Idris Zakaria. *The Political Aspects of Avicenna’s General Theory of Cosmology and the Human Soul*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Maulana Muhammad ‘Ali. t.t., *The Religion of Islam*, K.Lumpur Pustaka PERKIM.
- Muhammad ‘Uthman el-Muhammady, “Falsafah Ibadah dalam Islam” kertas kerja yg dibentang di *Simposium Falsafah Islam* anjuran Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia pada 22.10. 1983, .